



SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DAMANSARA JAYA  
Jalan SS 22A/1, Damansara Jaya  
47400 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan  
Kod Sekolah : BEA 8608



Rujukan Kami: SMKDJ 700-2/1/2( )  
Tarikh: 17 Februari 2023

Kepada  
Ibu bapa / penjaga  
Yang Berbahagia Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**HARI PENDAFTARAN MURID TINGKATAN SATU SMK DAMANSARA JAYA TAHUN 2023**

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Hari Pendaftaran Murid Tingkatan Satu Tahun 2023 akan diadakan berdasarkan ketetapan berikut;

Sekolah Rendah : SK Damansara Jaya 1, SK Damansara Jaya 2, SK Taman Megah  
Tarikh : 22 Februari 2023 (Rabu)  
Masa : 9:00 pagi - 1:00 petang  
Tempat : Ruang Kantin, SMK Damansara Jaya

Sekolah Rendah : SJKC Yuk Chai, SJKC Puay Chai, SJKC Puay Chai 2, SJKC Damansara  
Tarikh : 23 Februari 2023 (Khamis)  
Masa : 9:00 pagi - 1:00 petang  
Tempat : Ruang Kantin, SMK Damansara Jaya

3. Semasa pendaftaran, semua dokumen di bawah perlu dibawa dan semua salinan dokumen hendaklah disahkan terlebih dahulu;

- Salinan Surat Penempatan ke SMK Damansara Jaya
- Salinan Sijil Kelahiran Murid
- Salinan Kad Pengenalan Ibu, bapa dan murid
- Salinan Sijil perkahwinan / cerai / hak penjagaan (jika berkenaan)
- Salinan Slip keputusan Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA) Tahun 6
- Salinan Laporan PBD Akhir Tahun
- Salinan Laporan Ujian Psikometrik

4. Dikepil bersama adalah Borang Maklumat Murid dan Surat Kelas Bahasa Cina (untuk SJKC sahaja). Borang dan keratan jawapan kelas Bahasa Cina mesti diisi dan dikembalikan pada Hari Pendaftaran.

5. Pendaftaran murid selepas dari tarikh yang ditetapkan di atas perlu dibuat di pejabat sekolah.

Seluruh warga sekolah mengalu-alukan anak/jagaan Yang Berbahagia Dato'/Datin/Tuan/Puan ke SMK Damansara Jaya dan mengucapkan terima kasih atas kepercayaan yang diberikan kepada kami untuk mendidik dan membimbing anak Yang Berbahagia Dato'/Datin/Tuan/Puan.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

(AHMAD EZZAT BIN ISMAIL)  
Pengetua,  
SMK Damansara Jaya.

**BERILMU UNTUK BERJASA**

Telefon : 03-77296018  
Fax : 03-77291880  
Email : [bea8608@moe.edu.my](mailto:bea8608@moe.edu.my)